

## PERJANJIAN LESEN PERISIAN BLACKBERRY

Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry ini ("Perjanjian") ialah suatu perjanjian di sisi undang-undang antara anda secara individu jika anda bersetuju dengannya atas sifat anda sendiri, atau jika anda diberi kuasa untuk memperoleh Perisian itu bagi pihak syarikat anda atau organisasi lain, antara entiti yang bagi faedahnya anda bertindak ("Anda"), dengan Research In Motion Limited ("RIM") (secara bersama "Pihak-Pihak" dan secara individu suatu "Pihak").

DENGAN MENUNJUKKAN PENERIMAAN ANDA DENGAN MENKLIK BUTANG YANG SESUAI DI BAWAH, ATAU DENGAN MEMUATTURUNKAN, MEMASANG, MENAKTIFKAN ATAU MENGGUNAKAN PERISIAN ITU, ANDA BERSETUJU UNTUK TERIKAT DENGAN TERMA PERJANJIAN INI. JIKA ANDA MEMPUNYAI APA-APA PERTANYAAN ATAU KERAGUAN TENTANG TERMA PERJANJIAN INI, SILA HUBUNGI RIM MELALUI [LEGALINFO@RIM.COM](mailto:LEGALINFO@RIM.COM).

### Pemulangan.

JIKA, SEBELUM MEMUATTURUNKAN, MEMASANG, MENAKTIFKAN ATAU MENGGUNAKAN PERISIAN ITU, ANDA MEMUTUSKAN BAHAWA ANDA ENGGAN UNTUK BERSETUJU DENGAN TERMA PERJANJIAN INI, ANDA TIDAK BERHAK UNTUK MENGGUNAKAN PERISIAN INI DAN ANDA HENDAKLAH: (A) DENGAN SEGERA MEMULANGKAN PERISIAN ITU KEPADA RIM, MENGHAPUSKANNYA, ATAU MELUMPUHKANNYA; (B) JIKA ANDA TELAH MEMBELI SUATU PRODUK RIM YANG PADANYA PERISIAN ITU TELAH DIPASANG TERLEBIH DAHULU OLEH ATAU BAGI PIHAK RIM, DENGAN SEGERA MEMULANGKAN PRODUK RIM ITU DAN PERISIAN DAN BARANGAN YANG DISERTAKAN (TERMASUKLAH DOKUMENTASI DAN BUNGKUSAN) KEPADA RIM ATAU PENGEDAR DIBENARKAN RIM YANG DARIPADANYA ANDA MENDAPAT PRODUK RIM DAN PERISIAN DAN BARANGAN YANG DISERTAKAN; ATAU (C) JIKA ANDA TELAH MEMBELI SUATU PRODUK PEGANG TANGAN PIHAK KETIGA YANG PADANYA PERISIAN ITU TELAH DIPASANG TERLEBIH DAHULU OLEH ATAU BAGI PIHAK RIM, DENGAN SEGERA MENGATUR BAGI PELUMPUHAN PERISIAN DENGAN RIM ATAU PENGEDAR DIBENARKAN RIM YANG DARIPADANYA ANDA MENDAPAT PRODUK PEGANG TANGAN PIHAK KETIGA DAN PERISIAN DAN BARANGAN YANG DISERTAKAN. Jika Anda telah membuat bayaran bagi Perisian itu, dan/ atau bagi Produk RIM yang telah Anda peroleh dengan Perisian itu dan tidak boleh menggunakannya dengan berkesan tanpa Perisian itu, (mengikut mana-mana yang terpakai), dan Anda telah memberikan RIM atau pengedar dibenarkan yang daripadanya Anda memperoleh Perisian itu bagi Produk RIM dengan Bukti Pembelian Anda dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh Anda memperoleh Perisian itu, RIM atau pengedar dibenarkan hendaklah membayar balik fi (jika ada) kepada Anda yang telah Anda bayar bagi barangan ini. Untuk mendapatkan bayaran balik bagi Perisian atas Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga (maklum bahawa Perisian itu diberikan tanpa caj bagi sesetengah Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga dan oleh itu mungkin tiada apa yang boleh dibayar balik) sila hubungi pengedar dibenarkan Anda bagi Perisian itu bagi Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga tersebut. Jika Anda tidak boleh mendapat sesuatu bayaran balik bagi Perisian itu daripada pengedar dibenarkan sila hubungi RIM melalui [legalinfo@rim.com](mailto:legalinfo@rim.com).

Takrif. Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah yang ditakrifkan di dalam Perjanjian ini hendaklah mempunyai pengertian yang dinyatakan di bawah (dan jika konteksnya membenarkan sedemikian mufrad hendaklah termasuk jamak dan akasnya).

"Perkhidmatan Masa Berbual" ertinya perkhidmatan rangkaian tanpa wayar kawasan luas dan apa-apa perkhidmatan rangkaian lain (termasuklah rangkaian setempat tanpa wayar, perkhidmatan satelit dan perkhidmatan Internet) yang dikehendaki bagi BlackBerry Solution Anda.

"Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual" ertinya pemberi perkhidmatan Masa Berbual yang menyokong BlackBerry Solution Anda.

"Pengguna Dibenarkan" ertinya mana-mana daripada yang berikut yang telah Anda beri kebenaran untuk menggunakan Perisian itu sebagai sebahagian daripada BlackBerry Solution Anda: (a) tertakluk kepada subperenggan (d) di bawah, mana-mana pekerja, perunding atau kontraktor bebas Anda; (b) mana-mana kawan atau anggota keluarga, atau mana-mana orang yang tinggal dalam premis Anda; (c) mana-mana pihak ketiga yang mempunyai Perisian itu bagi pihak Anda di bawah suatu perjanjian dengan Anda bagi pemunyaan itu (contohnya "IT outsourcer") dan yang telah membaca dan bersetuju untuk mematuhi terma Perjanjian ini; dan (d) mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh RIM secara bertulis.

“Produk Pegang Tangan BlackBerry” ertinya suatu peranti pegang tangan tanpa wayar yang dibuat oleh atau bagi pihak RIM.

“Perisian Pegang Tangan BlackBerry” ertinya perisian proprietari RIM (yang terdiri daripada proprietari RIM: perisian, perisian tegar, antara muka, kandungan dan data lain; dan Komponen Pihak Ketiga) yang direka bentuk untuk digunakan pada Produk Pegang Tangan yang: (a) dimuatkan pada Produk Pegang Tangan sebagaimana yang dihantar pada asalnya oleh RIM; atau (b) dihantar, diedarkan atau selainnya tersedia oleh atau bagi pihak RIM dari semasa ke semasa untuk digunakan pada Produk Pegang Tangan. Antara contoh Perisian Pegang Tangan BlackBerry termasuk perisian pegang tangan yang dipasang terlebih dahulu pada suatu Produk Pegang Tangan BlackBerry, dan produk “BlackBerry Application Suite” yang dihantar, diedarkan atau selainnya tersedia oleh atau bagi pihak RIM dari semasa ke semasa untuk digunakan pada Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga.

“Perisian PC BlackBerry” ertinya perisian komputer peribadi proprietari RIM (yang terdiri daripada perisian proprietari RIM, antara muka, kandungan dan data lain; dan Komponen Pihak Ketiga) yang direka bentuk untuk digunakan dan diakses oleh pengguna tunggal sahaja pada satu-satu masa. Suatu contoh Perisian PC BlackBerry ialah “Perisian Meja BlackBerry”, yang boleh digunakan untuk mengadakan dan menyenggarakan penyegerakan antara Produk Pegang Tangan Anda dengan komputer peribadi Anda dan memberikan kefungsiian pengurusan meja lain.

“Perkhidmatan *Prosumer* BlackBerry” ertinya perkhidmatan yang direka bentuk untuk memberikan sekurang-kurangnya beberapa bahagian kefungsiian Perisian Pelayan BlackBerry tanpa menghendaki pelanggan RIM memperoleh Perisian Pelayan BlackBerry. Ia termasuklah tawaran RIM seperti “Perkhidmatan Internet BlackBerry” dan “Mel BlackBerry” RIM. Kesemua atau suatu bahagian Perkhidmatan *Prosumer* BlackBerry tertentu mungkin tidak disokong oleh Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda.

“Perisian Pelayan BlackBerry” ertinya perisian pelayan proprietari RIM (yang terdiri daripada proprietari RIM: perisian, antara muka, kandungan dan data; dan Komponen Pihak Ketiga), suatu salinan tunggal yang direka bentuk untuk dicapai oleh Produk Pegang Tangan berbilang pada mana-mana satu masa. Contoh Perisian Pelayan BlackBerry termasuklah produk “Pelayan Perusahaan BlackBerry”, yang direka bentuk untuk berintegrasi dengan dan mengadakan penghubung antara pelayan aplikasi korporat tertentu (contohnya pelayan e-mel) dengan Produk Pegang Tangan yang diberikan untuk beroperasi dengan perisian “Pelayan Perusahaan BlackBerry”, dan produk “BlackBerry Unite!”, yang direka bentuk untuk berintegrasi dan mengadakan penghubung antara komputer peribadi Anda yang mengendalikan produk “BlackBerry Unite!” dengan Produk Pegang Tangan yang diberikan untuk beroperasi dengan produk “BlackBerry Unite!”.

“Dokumentasi” ertinya panduan pemasangan yang terpakai atau dokumentasi pengguna akhir yang standard yang disediakan dan diberikan oleh RIM bagi jenis dan versi tertentu Perisian, Produk atau Perkhidmatan RIM, termasuk apa-apa arahan keselamatan. Dokumentasi juga tersedia melalui <http://www.BlackBerry.com/knowledgecenterpublic/livelink.exe?func=ll&objId=8067> atau dengan menghubungi RIM di [legalinfo@rim.com](mailto:legalinfo@rim.com). Bagi mendapatkan kepastian, Dokumentasi tidak termasuk apa-apa panduan pemasangan atau dokumentasi pengguna akhir yang disediakan selain daripada RIM oleh atau bagi pihak Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual atau pihak ketiga.

“Produk Pegang Tangan” ertinya: (a) suatu Produk Pegang Tangan BlackBerry; atau (b) suatu Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga.

“Produk RIM” ertinya mana-mana daripada Produk Pegang Tangan BlackBerry dan mana-mana aksesori yang dibekalkan RIM bagi Produk Pegang Tangan BlackBerry tidak termasuk apa-apa Perisian, termasuklah, tanpa batasan, apa-apa pembaca kad pintar.

“Perisian” ertinya mana-mana daripada Perisian Pegang Tangan BlackBerry, Perisian PC BlackBerry atau Perisian Pelayan BlackBerry yang diberikan kepada Anda di bawah Perjanjian ini, dalam apa jua bentuk, pengantara atau kaedah yang diberikan atau dipasangkan kemudiannya atau digunakan. Jika Perisian itu berupaya untuk mengadakan (i.e. mengaktifkan) Perisian Pegang Tangan BlackBerry, maka, istilah “Perisian” termasuklah mana-mana dan kesemua Perisian Pegang Tangan BlackBerry (termasuklah mana-mana dan kesemua pengemaskinian atau peningkatan kepadanya) yang diadakan dengan

menggunakan Perisian itu. Istilah “Perisian” tidak termasuk apa-apa Perisian Pihak Ketiga, sama ada atau tidak disertai oleh Perisian Pihak Ketiga, dibekalkan dengan, atau beroperasi bersama, Perisian dan/ atau mana-mana bahagian lain BlackBerry Solution atau Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga Anda.

“Perkhidmatan” ertinya apa-apa perkhidmatan RIM yang diberikan kepada Anda bersama dengan BlackBerry Solution Anda (termasuklah, tanpa batasan, mana-mana perkhidmatan RIM, seperti Perkhidmatan **Prosumer** BlackBerry, yang Anda langgan, dan apa-apa perkhidmatan RIM yang baru atau pengubahsuaian kepada suatu perkhidmatan RIM yang ada sekarang yang diberikannya, atau selainnya tersedia untuk Anda dari semasa ke semasa).

“Komponen Pihak Ketiga” ertinya perisian, antara muka, dan perisian tegar, yang dilesenkan oleh RIM daripada suatu pihak ketiga untuk dimasukkan ke dalam suatu produk RIM dan diedarkan sebagai bahagian penting produk RIM di bawah suatu jenama RIM.

“Kandungan Pihak Ketiga” ertinya kandungan yang proprietari kepada pihak ketiga, termasuklah, tanpa batasan, fail, pangkalan data dan laman web pihak ketiga.

“Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga” ertinya apa-apa peranti pegang tangan tanpa wayar, selain Produk Pegang Tangan BlackBerry, yang padanya Perisian Pegang Tangan BlackBerry atau mana-mana bahagian daripadanya, telah direka bentuk oleh RIM untuk beroperasi, dan berhubung dengannya RIM telah membuat suatu perjanjian dengan Pemberi Perkhidmatan Masa Berjual Anda membenarkan peranti tanpa wayar pihak ketiga mencapai infrastruktur RIM.

“Perkhidmatan Pihak Ketiga” ertinya perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga, tidak termasuk Perkhidmatan Masa Berjual.

“Perisian Pihak Ketiga” ertinya applikasi perisian proprietari kepada pihak ketiga tetapi tidak termasuk Komponen Pihak Ketiga.

“BlackBerry Solution Anda” ertinya Perisian, dan sekurang-kurangnya salah satu daripada barangan tambahan yang berikut yang Anda dapat, pasang, ada, atau selainnya beri kuasa dan terima tanggungjawab bagi kegunaan bersama dengan Perisian, sebagaimana yang terpakai dalam hal keadaan Anda: Produk RIM, Perisian Pelayan BlackBerry, Perisian Pegang Tangan BlackBerry, Perisian dan Perkhidmatan PC BlackBerry bersama-sama dengan Dokumentasi yang terpakai.

Lesen Perisian dan Dokumentasi. Perisian itu dilesenkan dan tidak dijual di bawah Perjanjian ini. Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, Perjanjian ini memberi Anda suatu lesen persendirian, yang boleh batal, tidak eksklusif dan tidak boleh dipindah milik yang membenarkan Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda:

- (a) jika Perisian itu ialah Perisian Pelayan BlackBerry:
  - untuk memasang dan menggunakan sehingga bilangan salinan (termasuk salinan maya) Perisian yang sama dengan fi bagi Perisian yang dibayar kepada RIM atau pengedar dibenarkan RIM (dan jika tiada fi bagi Perisian yang kena dibayar kepada RIM atau pengedar dibenarkan RIM, maka untuk memasang dan menggunakan sehingga bilangan salinan yang dibenarkan selainnya oleh RIM); dan
  - untuk membolehkan setakat bilangan Produk Pegang Tangan yang sama dengan fi yang dibayar kepada RIM atau pengedar dibenarkan RIM untuk mencapai Perisian itu (dan jika tiada fi kena dibayar kepada RIM atau pengedar dibenarkan RIM untuk membolehkan Produk Pegang Tangan untuk mencapai Perisian itu, maka untuk membolehkan sehingga bilangan Produk Pegang Tangan yang dibenarkan selainnya oleh RIM) (contohnya, jika Anda sedang mengendalikan perisian “Pelayan Perusahaan BlackBerry”, Anda hendaklah memperoleh lesen akses pelanggan bagi bilangan Produk Pegang Tangan yang digunakan bersama dengan Perisian Pelayan BlackBerry tersebut); dan
- (b) jika Perisian itu ialah Perisian Pegang Tangan BlackBerry atau Perisian Komputer Peribadi BlackBerry dan:
  - jika Perisian itu dipasang terlebih dahulu pada perkakasan, maka, untuk menggunakan salinan tunggal Perisian tersebut yang dipasangkan pada perkakasan itu; atau
  - jika Perisian itu tidak dipasang terlebih dahulu pada perkakasan, maka, untuk memasang dan menggunakan, dan membenarkan Pengguna Dibenarkan untuk memasang dan menggunakan, Perisian itu pada perkakasan yang terpakai yang sama dengan fi bagi bilangan salinan Perisian yang dibayar kepada RIM atau pengedar

dibenarkan RIM (jika tiada fi yang kena dibayar kepada RIM atau pengedar dibenarkan RIM, maka untuk memasang dan menggunakan sehingga bilangan salinan dibenarkan selainnya oleh RIM).

Dalam semua hal, Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh menggunakan atau membenarkan penggunaan Perisian atau mencapai Perkhidmatan selain bagi maksud dalaman atau peribadi Anda dan selain sebagai sebahagian daripada BlackBerry Solution Anda. Jika seseorang Pengguna Dibenarkan berhasrat untuk menggunakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry dengan BlackBerry Solution lain (contohnya BlackBerry solution yang terdiri daripada produk, proprietari RIM, perisian atau perkhidmatan yang Anda tidak dapat, pasang atau beri, dan Anda bersedia untuk membenarkan, tetapi tidak mahu bertanggungjawab bagi, penggunaan itu; "BlackBerry Solution Lain")), maka penggunaan itu tidak termasuk dalam perjanjian lesen ini dan Pengguna Dibenarkan hendaklah membuat suatu perjanjian lesen yang berasingan dengan RIM yang memberi hak kepadanya untuk menggunakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry itu sebagai sebahagian daripada BlackBerry Solution Lain. (contohnya jika Anda ialah suatu perbadanan dan pekerja Anda berhasrat untuk menggunakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry, bersama dengan pemasangan rumahnya akan "BlackBerry Unite!" atau Perkhidmatan **Prosumer** BlackBerry peribadi, dan Anda membenarkan tetapi tidak bertanggungjawab bagi penggunaan tersebut, pekerja Anda hendaklah, di samping menjadi seorang Pengguna Dibenarkan di bawah Perjanjian ini, membuat Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry dengan RIM, atas sifat peribadinya, memberi hak untuk menggunakan Perisian dengan BlackBerry Solution Lain). Dalam kebanyakan hal Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry hendaklah ditunjukkan kepada individu itu apabila individu itu memasang produk "BlackBerry Unite!" atau mengadakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry untuk digunakan dengan Perkhidmatan **Prosumer** BlackBerry, dan tersedia selainnya daripada RIM di [www.BlackBerry.com/legal](http://www.BlackBerry.com/legal)). Lesen ini tidak menandakan apa-apa hak kepada: (i) peningkatan atau pengemaskinian Perisian atau Perisian Pihak Ketiga pada masa hadapan; (ii) dalam hal Perisian Pegang Tangan BlackBerry pada Produk Pegang Tangan, keupayaan untuk mencapai aplikasi, selain daripada yang termasuk dalam Perisian; atau (iii) memperoleh mana-mana Perkhidmatan baru atau diubah suai.

Perisian boleh termasuk kefungsi untuk memeriksa secara automatic bagi pengemaskinian atau peningkatan kepada Perisian. Melainkan jika Anda, atau seseorang pihak ketiga yang dengannya Anda mempunyai suatu perjanjian untuk membekalkan BlackBerry Solution Anda atau sebahagian daripadanya kepada Anda, mengkonfigurasi BlackBerry Solution Anda untuk tidak memasukkan penghantaran atau penggunaa pengemaskinian atau peningkatan kepada Perisian, Perisian Pihak Ketiga atau Perkhidmatan, Anda dengan ini bersetuju bahawa RIM boleh membuat apa-apa pengemaskinian atau peningkatan itu tersedia kepada Anda dari semasa ke semasa. Jika RIM, sama ada secara langsung atau melalui seorang pengedar (termasuk Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda) membuat apa-apa pengemaskinian atau peningkatan kepada Perisian atau Perkhidmatan tersedia kepada Anda, pengemaskinian atau peningkatan itu hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini melainkan jika Perisian atau Perkhidmatan tu diberikan secara nyata kepada Anda di bawah terma dan syarat lain atau tambahan, yang dalam hal itu, terma dan syarat lain atau tambahan (yang mungkin termasuk pembayaran fi tambahan), hendaklah terpakai.

Anda tidak boleh mencetak, mengedar atau mengubah suai Perisian, secara keseluruhan atau sebahagian. Anda tidak boleh menyalin, mengeluarkan semua atau dalam apa-apa cara lain menduplikasi Perisian itu, kecuali sebagaimana yang dibenarkan dalam Perjanjian ini atau dalam suatu perjanjian bertulis yang berasingan antara Anda dengan RIM. Bagi maksud peruntukan ini "menyalin" atau "mengeluarkan semula" tidak termasuk menyalin pernyataan dan arahan Perisian yang berlaku pada kebiasaannya semasa pelakuan atur cara biasa apabila digunakan bersama dengan dan bagi maksud yang diperihalkan dalam Dokumentasi atau semasa membuat sokongan tetap tidak boleh ubah suai Perisian atau computer atau system yang padanya Perisian itu dipasang, mengikut amalan perniagaan standard industri. Anda tidak boleh menyalin mana-mana Dokumentasi atau sebahagian daripadanya melainkan jika dibenarkan khusus secara bertulis untuk berbuat demikian oleh RIM. Anda boleh memuat-turunkan suatu salinan tunggal Dokumentasi daripada <http://www.BlackBerry.com/knowledgecenterpublic/livelink.exe?func=ll&objId=8067> semata-mata bagi kegunaan Anda di bawah terma dan syarat ini.

**Penggunaan BlackBerry Solution Anda.** Anda bertanggungjawab bagi semua aktiviti yang berkenaan dengan BlackBerry Solution Anda yang Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda jalankan dan Anda hendaklah memastikan bahawa:

- (a) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda hanya akan menggunakan BlackBerry Solution Anda dan mana-mana komponen daripadanya, mengikut Perjanjian ini, semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai, dan Dokumentasi yang sesuai bagi BlackBerry Solution Anda atau bahagian daripadanya;
- (b) Anda mempunyai hak dan kuasa untuk membuat Perjanjian ini, sama ada bagi pihak Anda sendiri atau bagi pihak sesuatu syarikat atau entiti lain, atau bawah umur, dan Anda melebihi umur dewasa;
- (c) Apa-apa maklumat yang diberikan kepada RIM menurut Perjanjian ini adalah benar, tepat, semasa dan lengkap;

- (d) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh dengan disedari, setelah membuat apa-apa pertanyaan sebagai seorang yang munasabah dalam kedudukan Anda atau Pengguna Dibenarkan akan membuat, menggunakan atau membenarkan orang lain untuk menggunakan BlackBerry Solution Anda atau bahagian daripadanya dengan sendiri atau dengan mana-mana perisian atau data lain dengan cara yang mengikut pandangan RIM, yang semunasabahnya bertindak, campur tangan dalam, mendegradasi atau menjejaskan mana-mana perisian, sistem, rangkaian atau data yang digunakan oleh mana-mana orang termasuk RIM atau Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual atau selainnya mempunyai kesan yang mudarat kepada RIM, Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual atau mana-mana pelanggan mereka masing-masing atau produk atau perkhidmatan, dan Anda hendaklah dengan serta merta menghentikan mana-mana aktiviti tersebut selepas RIM menyerahkan notis berkenaan yang sama kepada Anda;
- (e) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh menghantar pesanan, kandungan atau maklumat yang mengganggu, memaki hamun, memfitnah, menyalahi undang-undang atau menipu;
- (f) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh menggunakan BlackBerry Solution Anda, atau mana-mana bahagian daripadanya, untuk melakukan atau cuba untuk melakukan jenayah atau memudahkan pelakuan apa-apa jenayah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang atau perbuatan salah laku yang lain, termasuklah apa-apa kemungkiran privasi atau pelanggaran, pencabulan atau salah laku apa-apa hak harta intelek dan/ atau hak proprietari lain mana-mana pihak ketiga (termasuk, tanpa batasan, menyalin dan berkongsi Kandungan Pihak Ketiga yang baginya Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak mempunyai hak menyalin atau berkongsi, atau memintasi dengan menyalahi undang-undang apa-apa perlindungan pengurusan hak digital);
- (g) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh menjual, menyewa memajak, atau memindahkan, atau cuba untuk menjual, menyewa, memajak, atau memindahkan, Perisian atau mana-mana bahagian daripadanya, atau hak Anda untuk menggunakan Perkhidmatan itu atau mana-mana bahagian daripadanya, (termasuklah pengendalian biro perkhidmatan atau perkhidmatan lain yang sama yang menggunakan Perisian kepada mana-mana orang lain, tanpa kebenaran bertulis yang nyata terlebih dahulu daripada RIM);
- (h) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda tidak boleh memindahkan, atau cuba untuk memindahkan, mana-mana Perisian atau mana-mana bahagian daripadanya yang telah dipasang terlebih dahulu oleh atau bagi pihak RIM pada Produk Pegang Tangan BlackBerry untuk kegunaan pada mana-mana peranti pegang tangan lain tanpa kebenaran bertulis yang nyata terlebih dahulu daripada RIM; dan
- (i) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda hendaklah bekerjasama dengan RIM dan memberikan maklumat yang diminta oleh RIM bagi membantu RIM menyasat atau menentukan sama ada telah ada pelanggaran Perjanjian ini dan memberi RIM akses kepada premis dan komputer di mana Produk, Perkhidmatan atau Perisian RIM sedang atau telah digunakan. Anda dengan ini memberi kuasa kepada RIM untuk bekerjasama dengan: (1) pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang dalam penyiasatan pelanggaran jenayah yang disyaki; (2) pihak-pihak ketiga dalam menyasat perbuatan yang melanggar Perjanjian ini; dan (3) pentadbir sistem di pemberi perkhidmatan Internet, rangkaian, atau kemudahan komputer demi menguatkuasakan Perjanjian ini. Kerjasama itu termasuklah RIM memberikan nama pengguna, alamat IP, atau apa-apa maklumat pengenalan Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda.

Kandungan Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Pihak Ketiga. Sebagai sebahagian daripada keupayaan BlackBerry Solution Anda, Kandungan Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Pihak Ketiga boleh diberikan, dihantar atau selainnya dijadikan tersedia kepada Anda. Anda juga boleh mendapat capaian kepada pautan (sama ada melalui arca atau penanda muka surat) kepada laman web pihak ketiga yang khusus ("Laman Berpaut") dan capaian kepada laman web lain ("Laman Lain") atau maklumat yang membolehkan Anda: (a) mencapai Kandungan Pihak Ketiga; atau (b) memperoleh Perkhidmatan Pihak Ketiga. RIM dengan sukacitanya menawarkan Anda ciri-ciri ini, tetapi hanya boleh berbuat demikian dengan pemahaman jelas, penerimaan dan persetujuan Anda bahawa, walau apa pun RIM boleh memberikan pautan kepada laman web dan boleh menjadikan tersedia Perkhidmatan Pihak Ketiga dan Kandungan Pihak Ketiga kepada Anda, PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, LAMAN BERPAUT, LAMAN LAIN, DAN KANDUNGAN PIHAK KETIGA BUKANLAH DI BAWAH KAWALAN RIM DANTIDAK SAMA SEKALI DIENDORS OLEH RIM. RIM tidak menjamin capaian kepada mana-mana laman web tertentu dengan menggunakan BlackBerry Solution Anda. Jika Anda tidak pasti sama ada RIM ialah sumber laman web, kandungan atau perkhidmatan, sila hubungi RIM di [legalinfo@rim.com](mailto:legalinfo@rim.com). Jika Anda berurusan dengan pihak ketiga melalui Internet, berhati-hati untuk memastikan bahawa Anda tahu dengan siapa Anda berurusan, dan bahawa Anda tahu terma dan syarat yang dikaitkan dengan laman web itu dan apa-apa perkhidmatan yang Anda terima, termasuklah tanpa batasan, penyerahan dan terma pembayaran, boleh atau tidaknya untuk memulangkan barang, terma privasi dan ciri-ciri keselamatan untuk melindungi maklumat peribadi Anda dan untuk

memastikan keselamatan peribadi Anda. Jika Anda membuat perjanjian dengan pihak ketiga di Internet, Anda bertanggungjawab untuk mematuhi terma dan syarat perjanjian tersebut.

Perisian Pihak Ketiga dan Komponen Pihak Ketiga. Untuk meningkatkan Pengalaman Anda dengan BlackBerry Solution Anda, Perisian itu boleh termasuk Komponen Pihak Ketiga dan Perisian Pihak Ketiga diperuntukkan dalam Perisian itu apabila pada asalnya dihantar oleh RIM atau boleh dihantar, diedarkan atau selainnya dijadikan tersedia kepada Anda kemudiannya dari semasa ke semasa. Penggunaan Perisian Pihak Ketiga dan Komponen Pihak Ketiga (termasuklah apa-apa pengemaskinian atau peningkatan kepadanya) adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berasingan atau tambahan. Terma dan syarat berasingan atau tambahan ini, jika ada, akan dijadikan tersedia dalam suatu fail teks yang disertakan bersama Perisian itu atau, dalam hal Perisian Pihak Ketiga, boleh dijadikan tersedia apabila Anda menggunakan atau memasang Perisian Pihak Ketiga buat pertama kali. Berkenaan dengan Perisian Pihak Ketiga yang diberikan kepada Anda, RIM hanya boleh memberikan perisian itu dengan pemahaman, pengakuan dan perjanjian Anda bahawa perisian itu: (a) diberikan sebagai kemudahan hanya untuk Anda; dan(b) kecuali jika ia disertai dengan lesen perisian yang berasingan, ia adalah tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini seolah-olah ia adalah Perisian, kecuali ia diberikan oleh RIM "SEADANYA" tanpa syarat yang nyata atau tersirat, pengendorsan, jaminan, representasi atau waranti. Jika Anda ingin mendapatkan Perisian Pihak Ketiga atas terma lain, Anda hendaklah memperoleh Perisian Pihak Ketiga ini secara langsung daripada pembekalnya. Jika suatu perjanjian lesen yang berasingan atau terma dan syarat tambahan terpakai bagi mana-mana Perisian Pihak Ketiga atau Komponen Pihak Ketiga diberikan oleh RIM, maka peruntukan Perjanjian ini yang berhubung dengan Perisian Pihak Ketiga dan Komponen Pihak Ketiga masih akan terpakai dan perjanjian lesen yang berasingan atau terma dan syarat tambahan itu yang dibuat antara Anda dengan pembekal tidak boleh sama sekali mengikat RIM atau mengenakan apa-apa obligasi tambahan atau obligasi yang tidak selaras dengan terma Perjanjian ini, ke atas RIM. Setakat mana-mana Komponen Pihak Ketiga tertentu terangkum oleh terma dan syarat tambahan yang memberikan Anda hak untuk menggunakan, menyalin, mengedar, atau mengubahsuaikan kesemua atau sebahagian daripada Komponen Pihak Ketiga lebih luas daripada hak yang diberikan kepada Anda di bawah Perjanjian ini bagi Perisian tu maka, semata-mata sehingga ke takat Anda boleh menjalankan hak yang lebih luas itu tanpa melanggar terma Perjanjian ini bagi Perisian yang selebihnya itu, Anda mendapat manfaat daripada hak yang lebih luas itu. Bagi maksud menjelaskan, peruntukan ini tidak terpakai bagi mana-mana kod Sun Microsystems Inc. Java yang digunakan bersama dengan suatu Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga yang hendak dilesenkan kepada Anda oleh pembekal atau pengilang Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga.

Sistem Komputer Anda dan Perkhidmatan Masa Berbual. Kecuali jika Pihak-Pihak bersetuju dengan nyata secara bertulis, RIM tidak bertanggungjawab bagi pemilihan, pelaksanaan, kesalingbolehkendalian dan perjalanan mana-mana dan kesemua perkakasan (termasuklah, tanpa batasan, Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga), perisian dan perkhidmatan pihak ketiga (termasuklah tanpa batasan, kesambungan Internet dan Perkhidmatan Masa Berbual) yang digunakan berkaitan dengan BlackBerry Solution Anda. Dalam kebanyakan keadaan, BlackBerry Solution Anda menghendaki suatu langganan bagi Perkhidmatan Masa Berbual supaya dapat menggunakan BlackBerry Solution Anda dan Anda hendaklah memperoleh langganan ini melalui suatu Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual, sama ada secara langsung atau jika ada melalui RIM, yang Perkhidmatan Masa Berbual itu hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual. Jika Anda ingin mendapatkan maklumat tentang Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual yang menyokong BlackBerry Solution Anda di lokasi Anda sila hubungi RIM melalui [legalinfo@rim.com](mailto:legalinfo@rim.com). Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa perkakasan, perisian dan perkhidmatan (termasuklah, tanpa batasan, kesambungan Internet dan Perkhidmatan Masa Berbual) yang Anda pilih untuk mengendalikan BlackBerry Solution Anda memenuhi kehendak minimum RIM, termasuklah, tanpa batasan, kelajuan pemrosesan, memori, perisian pelanggan dan kebolehsediaan capaian Internet yang khusus yang dikehendaki bagi BlackBerry Solution Anda sebagaimana yang dinyatakan dalam Dokumentasi, dan penggunaan perkakasan, perisian dan/ atau perkhidmatan oleh Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda dengan BlackBerry Solution Anda tidak melanggar mana-mana lesen, terma, syarat, undang-undang, kaedah-kaedah dan/ atau peraturan-peraturan berkenaan penggunaan perkakasan, perisian atau perkhidmatan itu.

Sokongan Kriptografi Meja. Perisian boleh termasuk modul perisian yang membenarkan pengguna untuk melanjutkan beberapa pelaksanaan kriptografi berasaskan meja yang sedia ada (seperti S/MIME v.3 (atau lebih besar) atau pelaksanaan berasaskan piawaian RFC 2440) (setiapnya "Pelaksanaan Kriptografi Meja") tanpa wayar kepada Produk Pegang Tangan tertentu. Anda tidak boleh menggunakan setiap modul perisian itu tanpa mula-mula sekali mendapat dan menggunakan pemasang yang tersedia ada yang berasingan. Suatu senarai pengedar pemasang yang sesuai boleh didapati di [http://www.BlackBerry.com/select/legal/smime\\_pgp.shtml](http://www.BlackBerry.com/select/legal/smime_pgp.shtml). RIM tidak memberikan mana-mana bahagian infrastruktur kriptografi yang dikehendaki bagi Pelaksanaan Kriptografi Meja sendiri dan RIM tidak bertanggungjawab bagi pemilihan, pemerolehan, pelaksanaan, berjalan atau tidak berjalannya, sokongan, ketepatan atau kebolehpercayaan mana-mana bahagian infrastruktur kriptografi Anda, termasuklah, tanpa batasan, pemilihan, ketepatan atau kebolehpercayaan perisian infrastruktur, atau mana-mana tandatangan amanah, kunci awam, perakuan pihak ketiga dan perkhidmatan

berhubungan, atau mana-mana pengesahan atau kaedah pengesahan, yang digunakan bersama dengan infrastruktur kriptografi.. Anda bertanggungjawab bagi memastikan yang Anda mematuhi apa-apa terma dan syarat, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berkenaan dengan penggunaan Anda akan infrastruktur kriptografi, perakuan, kunci awam, dan mana-mana perkhidmatan atau perisian yang terpakai yang Anda mungkin gunakan bersama dengan Pelaksanaan Kriptografi Meja tertentu Anda. RIM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BAGI APA-APA ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ATAU YANG BERHUBUNGAN DENGAN PELAKSANAAN KRIPTOGRAFI MEJA ANDA.

Harta Intelek. Anda tidak boleh memperoleh apa-apa harta intelek atau hak proprietari lain, termasuklah paten, reka bentuk, cap dagangan, hak cipta atau hak dalam apa-apa maklumat sulit atau rahsia pemiagaan, dalam atau yang berhubungan dengan BlackBerry Solution Anda atau mana-mana bahagian daripadanya. Anda juga tidak memperoleh apa-apa hak dalam atau berhubungan dengan BlackBerry Solution Anda atau mana-mana komponen daripadanya, selain hak yang dilesenkan dengan nyata kepada Anda di bawah Perjanjian ini atau dalam perjanjian bertulis yang lain yang dipersetujui bersama yang Anda mungkin ada dengan RIM. Tiada hak milik dan/ atau apa-apa hak pemilikan kepada Produk RIM (jika ada) boleh diberikan menurut kuasa Perjanjian ini. Apa-apa hak yang tidak diberikan dengan nyata di dalam ini adalah terpelihara. Perisian, termasuklah mana-mana salinan Perisian yang Anda buat, hanyalah dilesenkan, bukan dijual, kepada Anda, dan Perisian, kesemua Dokumentasi dan mana-mana laman yang membenarkan Anda mencapai mana-mana Perkhidmatan adalah dilindungi oleh undang-undang hak cipta dan paten Kanada, Amerika Syarikat dan antarabangsa dan peruntukan triti antarabangsa. Terdapat penalti yang berat, sivil dan jenayah kedua-duanya, bagi pelanggaran harta intelek. Anda bersetuju bahawa tiada apa-apa jua di dalam Perjanjian ini boleh menjejaskan apa-apa hak dan penggantungan pada mana-mana remedi termasuklah tanpa batasan, relief injunksi, yang ada pada RIM di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai yang berhubungan dengan perlindungan harta intelek atau hak properti lain RIM.

Laluan Bukan Tuntutan Cisco. Jika BlackBerry Solution Anda mengandungi mana-mana Teknologi Cisco, sebagai balasan kepada hak Anda untuk menggunakan Teknologi Cisco, Anda bersetuju untuk tidak menuntut apa-apa hak paten berhubung dengan Teknologi Cisco terhadap Cisco, pelanggan Cisco, pengedar atau pemegang lesen Teknologi Cisco kerana membuat, telah membuat, menggunakan, menjual, menawar untuk jualan, atau mengimport produk yang mematuhi atau melaksanakan Teknologi Cisco. Bagi maksud Perjanjian ini, "Teknologi Cisco" ertinya perisian, Protokol Pengesahan Tertingkat Ringan ("PPTR"), spesifikasi PPTR, teknologi Sambungan Pelanggan Cisco, maklumat teknikal, dan algoritma, sebagaimana yang mereka semata-mata berhubungan dengan PPTR dan/ atau Sambungan Pelanggan Cisco, sebagaimana yang bersesuaian.

Sekatan Eksport Anda mengakui bahawa Perisian itu termasuklah perisian penyulitan yang boleh tertakluk kepada eksport, import dan/ atau dikawal kegunaannya oleh Pihak Berkuasa Kerajaan (yang selepas ini ditakrifkan) melalui undang-undang atau peraturan. Anda bersetuju bahawa Produk dan Perisian RIM tidak boleh diekspor, diimport, digunakan, dipindahkan atau diekspor semula melainkan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan negara dan/ atau lain (sub-negara dan/atau supranasional) pihak berkuasa kerajaan dengan kuasa ke atas negara dan/ atau wilayah yang darinya Produk dan Perisian tu diekspor atau kepadanya Produk atau Perisian RIM diimport (secara kolektif, "Pihak Berkuasa Kerajaan"). Tanpa batasan, Produk atau Perisian RIM tidak boleh diekspor ke (i) ke mana-mana negara dalam Senarai Kawalan Kawasan Kanada; (ii) ke mana-mana negara tertakluk kepada embargo atau tindakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; (iii) bertentangan dengan Butiran 5505 dalam Senarai Kawalan Eksport Kanada; (iv) ke negara-negara yang tertakluk kepada sekatan ekonomi dan embargo Amerika Syarikat; dan (v) kepada orang atau entiti yang dilarang daripada menerima eksport Amerika Syarikat atau barangan yang berasal dari Amerika Syarikat. Jika Anda mempunyai apa-apa pertanyaan berkenaan dengan Seksyen ini, sila hubungi RIM melalui: [legalinfo@rim.com](mailto:legalinfo@rim.com). Anda dengan ini membuat representasi bahawa: (1) sepanjang pengetahuan Anda, Anda layak untuk menerima Produk RIM dan Perisian di bawah undang-undang yang terpakai; (2) Anda tidak boleh menggunakan Produk dan Perisian RIM dalam pembangunan, pengeluaran, pengelolaan, penyenggaraan, penstoran, pengesanan, pengenalan atau penyebaran senjata kimia, biologi atau nuklear atau sistem penghantaran misil mereka, atau bahan atau kelengkapan yang boleh digunakan dalam senjata itu atau sistem penghantaran misil mereka, atau menjual semula atau mengeksport kepada mana-mana orang atau mana-mana entiti yang terlibat dalam mana-mana aktiviti tersebut; dan (3) Anda hendaklah memastikan bahawa Pengguna Dibenarkan Anda menggunakan Produk dan Perisian RIM mengikut sekatan yang sebelum ini. Anda bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada RIM dan Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual bagi apa-apa tuntutan, tindakan, liabiliti atau perbelanjaan (termasuklah fi peguam yang munasabah) akibat daripada kegagalan Anda untuk bertindak mengikut pengakuan, perjanjian, dan representasi dalam Seksyen ini.

Keselamatan. BlackBerry Solution Anda boleh menggunakan suatu tahap keselamatan data penyulitan bagi perhubungan antara Produk Pegang Tangan Anda dengan sistem komputer yang dengannya ia beroperasi. Anda mengambil tanggungjawab sepenuhnya

bagi pewujudan langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya untuk mengawal akses kepada Produk Pegang Tangan Anda dan sistem computer tersebut.

Kerahsiaan. Anda mengakui dan bersetuju bahawa Perisian itu telah dibangunkan dengan mengambil masa yang lama dan perbelanjaan yang banyak oleh RIM dan adalah rahsia dan mengandungi rahsia perniagaan RIM dan pembekalnya. Anda bersetuju untuk menyenggarakan Perisian itu secara rahsia dan tidak mendedahkan atau memberikan akses kepadanya kepada mana-mana orang kecuali kepada Pengguna Dibenarkan yang memerlukan akses untuk menjalankan hak lesen yang diberikan kepadanya.

Tiada Kejuruteraan Songsang. Perjanjian ini tidak memberikan Anda hak untuk mendapat daripada RIM atau pengedarnya apa-apa kod sumber bagi Perisian itu, dan, kecuali setakat RIM dihalang secara nyata oleh undang-undang daripada menghalang aktiviti ini, Anda bersetuju bahawa baik Anda mahupun Pengguna Dibenarkan Anda tidak akan mengubah, mengubahsuaikan, menyesuaikan, mencipta karya terbitan, menterjemahkan, merosakkan, menyahhimpun, menyahsusun atau menjuruterasongsangkan Perisian itu, atau cuba untuk berbuat demikian, atau membenarkan, akur, memberi kuasa atau menggalakkan mana-mana pihak lain untuk berbuat demikian juga. Bagi maksud Perjanjian ini, "Kejuruteraan Songsang" termasuk apa-apa perbuatan menjuruterasongsangkan, menterjemah, menyahhimpun, menyahsusun, menyahsulit atau menyahbina (termasuklah apa-apa aspek "longgokan RAM/ROM atau storan gigih", "pengesanan pautan kabel atau tanpa wayar", atau kejuruteraan songsang "kotak hitam") data, perisian (termasuklah antara muka, protokol, dan apa-apa data lain yang dimasukkan ke dalam atau yang digunakan bersama atur cara yang secara teknikal boleh atau tidak boleh dikira sebagai kod perisian), perkhidmatan atau perkakasan atau apa-apa kaedah atau proses mendapatkan atau menukarkan mana-mana maklumat, data atau perisian daripada satu bentuk kepada bentuk yang boleh dibaca manusia.

Terma Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa apabila Anda bersetuju untuk terikat dengan terma Perjanjian ini, (sebagaimana yang diperihalkan dalam mukadimah di atas) dan hendaklah berterusan berkuat kuasa melainkan jika ditamatkan mengikut peruntukan yang dinyatakan di dalam ini.

Remedi dan Penamatan bagi Kemungkiran Jika Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda melanggar Perjanjian ini RIM boleh, sebagai tambahan kepada segala hak dan remedi lain yang diperuntukkan oleh Perjanjian ini atau oleh undang-undang, menamatkan Perjanjian ini dan mana-mana perjanjian lesen lain antara Anda dengan RIM bagi mana-mana bahagian lain BlackBerry Solution yang digunakan oleh Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda dengan Perisian ini dengan memberikan notis penamatan. Tanpa mengehadakan keluasan ayat yang sebelum ini, Anda disifatkan sebagai melanggar Perjanjian ini dan RIM mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini jika: (1) Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda gagal untuk mematuhi atau melaksanakan terma atau syarat di dalam ini; (2) Anda melanggar secara matan mana-mana perjanjian lesen lain atau terma perkhidmatan yang Anda ada dengan RIM bagi mana-mana bahagian BlackBerry Solution yang Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda gunakan dengan Perisian itu, termasuk tanpa batasan, terma mana-mana perjanjian *click-wrap* atau *shrink-wrap* yang dengannya Anda telah bersetuju pada laman web RIM atau selainnya; (3) Anda atau mana-mana daripada Pengguna Dibenarkan Anda campur tangan dalam perkhidmatan pelanggan atau operasi perniagaan RIM; atau (4) apa-apa fi atau kos bulanan atau berkala lain yang berkaitan dengan penggunaan BlackBerry Solution Anda tidak dibayar dalam masa tiga puluh hari (30) dari ia menjadi genap masa. Sebagai tambahan, RIM boleh menamatkan Perjanjian ini dan/ atau dengan serta merta berhenti memberikan Perkhidmatan tanpa apa-apa liabiliti walau apa jua pun kepada Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda jika RIM dihalang daripada memberikan mana-mana bahagian atau kesemua mana-mana Perkhidmatan atau daripada menjual Perkhidmatan Masa Berbual, jika terpakai oleh mana-mana undang-undang, peraturan, kehendak atau kaedah yang dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk oleh badan kehakiman atau badan kerajaan yang lain, atau jika notis daripada suatu agensi atau jabatan kerajaan menunjukkan baik RIM mahupun Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual tidak dibenarkan untuk memberikan mana-mana bahagian atau kesemua Perkhidmatan Masa Berbual, jika terpakai. Tiada apa-apa di dalam ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki RIM untuk mendapatkan penepian mana-mana undang-undang, kaedah, peraturan atau sekatan, atau untuk mendapatkan semakan kehakiman atau rayuan terhadap mana-mana perintah mahkamah. RIM tidak mempunyai apa-apa tanggungan kepada Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda berbangkit daripada atau berhubung dengan penamatan Perjanjian ini mengikut Seksyen ini.

Kesan Penamatan. Apabila tamatnya Perjanjian ini: (a) Anda hendaklah menghentikan kesemua penggunaan Perisian dan, jika boleh, memusnahkan dan/ atau menghapuskan secara kekal kesemua salinan Perisian dalam berada dalam milik atau kawalan Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda; dan (b) RIM berhak menghalang apa-apa penghantaran data kepada dan daripada Perisian, tanpa notis diberikan kepada Anda. Apabila tamatnya apa-apa akaun yang mungkin Anda ada dengan RIM, Anda memberi kuasa kepada RIM untuk menghapuskan mana-mana fail, program, data dan pesanan e-mel yang berkaitan dengan akaun itu, tanpa memberikan notis kepada Anda. Jika RIM yang menamatkan Perjanjian ini menurut peruntukan Perjanjian ini, Anda hendaklah membayar kepada RIM

semua fi (termasuk fi peguam) dan perbelanjaan yang berhubung yang dibelanjakan atau dilakukan oleh RIM dalam menguatkuasakan apa-apa hak atau keistimewaan di bawahnya.

**Indemniti/Liability.** Anda hendaklah mempertahankan, menanggung rugi, dan memelihara RIM, sekutu, pembekal, pengganti, ejen, pengedar dibenarkan dan penerima serah hak RIM dan setiap seorang pengarah, pegawai, pekerja dan kontraktor bebas mereka (setiap orang adalah "Pihak Dilindungi RIM") daripada apa-apa tuntutan, ganti rugi, kerugian, kos atau perbelanjaan (termasuklah, tanpa batasan, fi peguam dan kos) yang dilakukan oleh Pihak Dilindungi RIM berkenaan dengan kesemua tuntutan, guaman, kehakiman dan kausa tindakan bagi: (1) pelanggaran paten atau harta intelek atau hak proprietary lain yang berbangkit daripada penggabungan dengan atau penggunaan mana-mana peranti (selain Produk Pegang Tangan), sistem atau perkhidmatan berkenaan dengan BlackBerry Solution Anda atau mana-mana bahagian daripadanya; (ii) ganti rugi yang berbangkit daripada pelanggaran mana-mana daripada Seksyen yang berikut Perjanjian ini: "Sokongan Kriptografi Meja", "Penggunaan BlackBerry Solution Anda", "Lesen Perisian dan Dokumentasi", "Sistem Komputer Anda dan Perkhidmatan Masa Berbual", "Harta Intelek", "Sekatan Eksport", "Kerahsiaan", "Tiada Kejuruteraan Songsang"; (iii) bagi apa-apa kecederaan, kematian atau kerosakan harta akibat daripada kecuaiian atau salah laku Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda berkaitan dengan penggunaan BlackBerry Solution Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda atau mana-mana bahagian daripadanya; atau (iv) bagi tuntutan yang dibuat oleh orang ketiga terhadap RIM yang berbangkit daripada atau berhubung dengan penggunaan Perisian atau mana-mana bahagian daripada BlackBerry Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda (selain tuntutan yang berbangkit semata-mata daripada penggunaan Produk, Perisian dan/ atau Perkhidmatan RIM yang dengan ketat mengikut terma Perjanjian ini dan Dokumentasi yang berkaitan khususnya dengan versi Perisian dan/ atau Produk RIM). Tiada remedi yang diberikan kepada RIM di dalam ini dimaksudkan, dan tidak boleh ditafsirkan, sebagai menolak, mana-mana remedi lain yang diperuntukkan di dalam ini atau sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang atau ekuiti, tetapi kesemua remedi itu hendaklah kumulatif.

#### Waranti Terhad.

(a) **Perisian.** Jika semasa tempoh sembilan puluh (90) hari yang mengikut penghantaran Perisian kepada Anda ("Tempoh Waranti"), Perisian sebagaimana tersedia ada oleh RIM atau mana-mana pengedar dibenarkan RIM tidak mampu untuk melaksanakan fungsi yang diperihalkan dalam Dokumentasi pengguna akhir standard ("Spesifikasi") apabila digunakan sebagaimana yang dinyatakan oleh RIM dalam Dokumentasi yang terpakai bagi jenis dan versi khusus Perisian bersama dengan bahagian BlackBerry yang tidak diubah, RIM akan, atas pilihan dan budi bicaranya semata-mata, sama ada melakukan usaha yang munasabah untuk membetulkan atau memberi Anda penyelesaian bagi masalah itu (dan pembaikan atau penyelesaian boleh diberikan kepada Anda mengikut budi bicara munasabah RIM dalam satu daripada pelbagai bentuk, termasuk dalam perjalanan sokongan pelanggan telefonik atau e-mel yang diberikan kepada Anda, dalam pelepasan tetap perisian yang tersedia secara am, di laman web RIM atau dalam mana-mana bentuk lain yang dinasihatkan kepada Anda oleh RIM) atau memberi Anda bayaran balik bagi fi sekali bayar yang Anda bayar bagi Perisian yang terpakai jika Anda berhenti menggunakan Perisian itu, dan perantara yang padanya Perisian itu diberikan kepada Anda dan semua bungkusan yang berhubung dengannya dipulangkan semula kepada RIM mengikut mekanisme pulangan semula waranti biasa Anda (yang mungkin melalui Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda, jika terpakai, atau pada titik pembelian) dalam Tempoh Waranti bersama dengan bukti pembelian. Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam Perjanjian ini, obligasi di atas tidak terpakai kepada pengemaskinian Perisian. Pengemaskinian diberikan 'SEADANYA' dan tanpa apa-apa jenis waranti. Peningkatan, yang baginya Anda telah membayar fi lesen tambahan, hendaklah tertakluk kepada waranti yang dinyatakan di atas bagi tempoh sembilan puluh hari (90) dari tarikh pengemaskinian mana-mana perisian itu dihantar kepada Anda. Yang sebelum ini sahajalah obligasi RIM dan ini sahajalah remedi tunggal dan eksklusif Anda bagi apa-apa kecacatan, kesilapan, atau masalah yang Anda mungkin alami berhubung dengan Perisian itu. Obligasi di atas tidak terpakai jika kegagalan Perisian untuk melaksanakan fungsi yang diperihalkan dalam spesifikasi itu disebabkan oleh: (i) penggunaan Perisian dengan cara yang tidak selaras dengan mana-mana obligasi Anda yang dinyatakan dalam Seksyen Perjanjian ini yang bertajuk, "Sistem Komputer Anda dan Perkhidmatan Masa Berbual", "Sokongan Kriptografi Meja", "Pengguna BlackBerry Solution Anda", "Lesen Perisian dan Dokumentasi", "Sekatan Eksport", "Kerahsiaan" atau "Tiada Kejuruteraan Songsang" atau dengan cara yang tidak selaras dengan arahan, termasuklah arahan keselamatan, yang dinyatakan oleh RIM dalam Dokumentasi yang terpakai bagi jenis dan versi khusus Perisian; atau (ii) kepincangan tugas atau masalah lain yang berhubung dengan apa-apa perkakasan (termasuklah yang berbangkit daripada Produk Pegang Tangan Pihak Ketiga yang rosak), rangkaian, perisian atau sistem perhubungan selain bahagian BlackBerry Solution Anda; atau (iii) mana-mana punca luaran yang menjejaskan Perisian, termasuklah perantara yang padanya Perisian itu diberikan, contohnya kemalangan, bencana, pengeluaran elektrostatik, kebakaran, banjir, kilat, air atau angin, atau pembetulan kesilapan yang boleh dikaitkan dengan perisian selain Perisian itu. Perenggan ini menyatakan remedi tunggal Anda berkenaan dengan Perisian dan mana-mana pelanggaran waranti yang dinyatakan di dalam ini.

(b) Produk. Waranti terhadap jika ada, bagi Produk RIM (“Waranti Produk Terhadap”) dinyatakan dalam Dokumentasi yang terpakai. Waranti Produk Terhadap ialah waranti eksklusif bagi mana-mana Produk RIM yang dijual di bawah terma Perjanjian ini dan menyatakan remedi tunggal Anda berkenaan dengan Produk RIM dan mana-mana pelanggaran Waranti Produk Terhadap. Subseksyen yang berikut Seksyen Perjanjian ini yang bertajuk “Am” di bawah diadakan dengan merujuk kepada terma Waranti Produk Terhadap, sebagaimana yang dipinda, yang dikehendaki setakat perlu untuk terpakai bagi Waranti Produk Terhadap: “Penepian Keingkar”, “Penakatan”, “Kebolehasingan”, “Bahasa” dan “Keseluruhan Perjanjian”. Dengan menunjukkan penerimaan Anda akan Perjanjian ini sebagaimana yang diperuntukkan di atas, Anda mengaku bahawa Anda telah membaca Waranti Produk Terhadap dan bersetuju dengan termanya.

#### Penolakan.

(a) Waranti Am. KECUALI JIKA DINYATAKAN SECARA NYATA DALAM PERJANJIAN INI, KESEMUA JENIS SYARAT, PENGENDORSAN, JAMINAN, REPRESENTASI, ATAU WARANTI, NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUKLAH TANPA BATASAN, APA-APA SYARAT, PENGENDORSAN, JAMINAN, REPRESENTASI ATAU WARANTI KEBOLEHTAHANAN, KESESUAIAN BAGI MAKSUD ATAU KEGUNAAN TERTENTU, KEBOLEHDAGANGAN, KUALITI BOLEH DAGANG, KETIDAKLANGGARAN, KUALITI YANG MEMUASKAN, ATAU HAK MILIK, ATAU YANG BERBANGKIT DARIPADA STATUT ATAU ADAT ATAU DALAM MENJALANKAN URUS NIAGA ATAU PENGGUNAAN DAGANGAN ADALAH DENGAN INI DIKECUALIKAN. PIHAK-PIHAK JUGA BERSETUJU BAHAWA AKTA TRANSAKSI MAKLUMAT KOMPUTER SERAGAM (“ATMKS”) SEBAGAIMANA YANG DIBUAT DALAM MANA-MANA NEGERI TIDAK TERPAKAI BAGI PERJANJIAN INI DAN SEHINGGA KE TAKAT YANG MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG ATMKS DENGAN INI DIKECUALIKAN KESELURUHANNYA DARIPADA TERPAKAI BAGI PERJANJIAN INI. Waranti terhadap yang dinyatakan dalam Perjanjian ini memberi Anda hak undang-undang yang khusus. Anda juga mempunyai hak lain yang berbeza mengikut negeri atau wilayah. Sesetengah bidang kuasa tidak membenarkan pengecualian atau batasan waranti dan syarat tersirat. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, apa-apa waranti atau syarat tersirat yang berhubungan dengan Perisian setakat yang ia tidak boleh tidak dikecualikan sebagaimana yang dinyatakan di atas, adalah terhadap, kepada sembilan puluh (90) hari dari tarikh Anda mula-mula memasang mana-mana bahagian BlackBerry Solution Anda pada mana-mana komputer.

(b) Perkhidmatan. KECUALI SETAKAT YANG DILARANG SECARA KHUSUS OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DALAM BIDANG KUASA ANDA, SETIAP PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN ATAU DIJADIKAN BOLEH DICAPAI “SEADANYA” DAN “SEBAGAIMANA TERSEDIA”, TANPA APA-APA JENIS SYARAT, PENGENDORSAN, JAMINAN, REPRESENTASI ATAU WARANTI OLEH RIM. RIM TIDAK MENJAMIN PENGGUNAAN ATAU OPERASI TANPA GANGGUAN MANA-MANA PERKHIDMATAN, KEBOLEHSEDIAAN BERTERUSAN MANA-MANA PERKHIDMATAN, ATAU BAHAWA MANA-MANA PESANAN, KANDUNGAN ATAU MAKLUMAT YANG DIHANTAR OLEH ATAU KEPADA ANDA ADALAH TEPAT, DIHANTAR DALAM BENTUK TIDAK TERCEMAR ATAU DALAM TEMPOH MASA YANG MUNASABAH.

(c) Kandungan Pihak Ketiga, Perkhidmatan Pihak Ketiga, Perisian Pihak Ketiga, Laman Web Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Masa Berbual. KECUALI SETAKAT YANG DILARANG SECARA KHUSUS OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DALAM BIDANG KUASA ANDA, KESEMUA KANDUNGAN PIHAK KETIGA, PERISIAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN MASA BERBUAL DAN CAPAIAN KEPADA LAMAN BERPAUT DAN LAMAN LAIN DIBERIKAN ATAU DIJADIKAN BOLEH DICAPAI OLEH RIM ‘SEADANYA’ DAN ‘SEBAGAIMANA TERSEDIA’ DAN RIM TIDAK MEMPUNYAI LIABILITI WALAU APA JUA PUN KEPADA ANDA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA YANG MENUNTUT MELALUI ATAU MENERUSI ANDA, BAGI APA-APA ISU YANG BERHUBUNGAN DENGAN LAMAN YANG BERPAUT, LAMAN LAIN, KANDUNGAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN MASA BERBUAL ATAU PERISIAN PIHAK KETIGA, TERMASUKLAH TANPA BATASAN: (A) KETEPATAN, PENGHANTARAN, KETEPATAN MASA ATAU KEBOLEHSEDIAAN BERTERUSAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN MASA BERBUAL, PERISIAN PIHAK KETIGA, KANDUNGAN PIHAK KETIGA, LAMAN BERPAUT ATAU LAMAN LAIN; (B) BOLEH BERJALAN ATAU TIDAK PERISIAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA ATAU PERKHIDMATAN MASA BERBUAL; ATAU (C) KESALINGBOLEHKENDALIAN PERISIAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA ATAU PERKHIDMATAN MASA BERBUAL DENGAN KESEMUA ATAU SEBAHAGIAN DARIPADA BLACKBERRYSOLUTION ANDA. ANDA BERSETUJU DENGAN KHUSUS BAHAWA RIM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAU BERTANGGUNGAN BAGI APA-APA VIRUS, ATAU APA-APA KANDUNGAN PIHAK KETIGA YANG MENGANCAM, MEMFITNAH, LUCAH, MEMPUNYAI LIABILITI TORT, MENYAKITKAN ATAU MENYALAHUI UNDANG-UNDANG ATAU BAGI KANDUNGAN YANG MELANGGAR MANA-MANA HAK HARTA INTELEK PIHAK KETIGA ATAU PENGHANTARANNYA. TINDAKAN ANDA SEKIRANYA ADA APA-APA TUNTUTAN BERKENAAN DENGAN MANA-MANA PERISIAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN MASA BERBUAL ATAU KANDUNGAN PIHAK KETIGA, HENDAKLAH TERHADAP PIHAK KETIGA YANG BERKENAAN SEMATA-MATA.

(d) Pemakaian semasa Misi Genting. BLACKBERRY SOLUTION ANDA DAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADANYA TIDAK SESUAI UNTUK DIGUNAKAN DALAM PEMAKAIAN MISI GENTING ATAU DALAM PERSEKITARAN YANG BERBAHAYA YANG MEMERLUKAN KAWALAN TIDAK BOLEH GAGAL, TERMASUKLAH TANPA BATASAN, OPERASI KEMUDAHAN NUKLEAR, PENGEMUDIAN PESAWAT UDARA ATAU SISTEM PERHUBUNGAN, KAWALAN TRAFIK UDARA, DAN SOKONGAN HIDUP ATAU SISTEM SENJATA. ANDA MEWAKILI DAN MEMBUAT REPRESENTASI BAHAWA ANDA AKAN MENYENGGARAKAN PEMULIHAN DATA DAN SISTEM SOKONGAN YANG MENCUKUPI, DAN SEKIRANYA: (1) BERLAKU GANGGUAN PENGGUNAAN ATAU PERKHIDMATAN; ATAU (2) BERLAKU KESUKARAN ATAU KESILAPAN DALAM PENGHANTARAN DATA, ANDA BERSETUJU UNTUK MELAPORKAN DENGAN SEGERA ISU ITU KEPADA RIM DAN DENGAN SEGERA MENGURANGKAN KESEMUA KERUGIAN ATAU GANTI RUGI.

Batasan Liabiliti. Tanpa meluaskan remedi khusus yang dinyatakan dalam Seksyen dalam Perjanjian ini yang bertajuk "Waranti Terhadap" di atas: (i) agregat liabiliti RIM yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini atau BlackBerry Solution tidak boleh sekali-kali melebihi amaun yang Anda bayar bagi bahagian BlackBerry Solution Anda yang menyebabkan tuntutan itu dibuat; dan (ii) berkenaan dengan tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan BlackBerry Solution Anda, RIM hanya bertanggungjawab bagi kerugian yang berlaku semasa tempoh kegagalan, kelewatan atau tidak berjalannya BlackBerry Solution Anda

SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DALAM BIDANG KUASA ANDA DAN TERTAKLUK KEPADA REMEDI KHUSUS YANG DINAYATAKAN DALAM SEKSYEN DALAM PERJANJIAN INI YANG BERTAJUK "WARANTI TERHAD" DI ATAS, RIM TIDAK SEKALI-KALI BERTANGGUNGJAWAB BAGI APA-APA JENIS GANTI RUGI: GANTI RUGI TELADAN, SAMPINGAN, TIDAK LANGSUNG, KHAS, PUNITIF ATAU TERUK, GANTI RUGI KERANA HILANG KEUNTUNGAN ATAU PENDAPATAN PERNIAGAAN, KEGAGALAN UNTUK MEREALISASIKAN APA-APA SIMPANAN YANG DIJANGKAKAN, GANGGUAN PERNIAGAAN, KEHILANGAN MAKLUMAT PERNIAGAAN, KEHILANGAN PELUANG PERNIAGAAN, ATAU PENCEMARAN ATAU KEHILANGAN DATA, KEGAGALAN MENGHANTAR ATAU MENERIMA APA-APA DATA, MASALAH YANG DIKAITKAN DENGAN MANA-MANA APLIKASI YANG DIGUNAKAN BERSAMA DENGAN BLACKBERRY SOLUTION ANDA, KOS MASA MATI, KEHILANGAN PENGGUNAAN BLACKBERRY SOLUTION ANDA, ATAU MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADANYA ATAU APA-APA PERKHIDMATAN MASA BERBUAL, PERISIAN PIHAK KETIGA, PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA ATAU KANDUNGAN PIHAK KETIGA ATAU MANA-MANA PRODUK PIHAK KETIGA, KOS MENGGANTIKAN BARANG, KOS PERLINDUNGAN, KEMUDAHAN ATAU PERKHIDMATAN, KOS MODAL, ATAU KERUGIAN KEWANGAN LAIN YANG SAMA AKIBAT ATAU BERHUBUNG DENGAN PERJANJIAN INI ATAU BLACKBERRY SOLUTION ANDA, TERMASUKLAH PENGGUNAAN ATAU KETIDAKUPAYAAN UNTUK MENGGUNAKAN, BERJALANNYA ATAU TIDAK BERJALANNYA BLACKBERRY SOLUTION ANDA, SAMA ADA ATAU TIDAK GANTI RUGI ITU DIJANGKA ATAU TIDAK DIJANGKA, DAN WALAU PUN RIM TELAH DINASIHATKAN DENGAN KEMUNGKINAN GANTI RUGI ITU.

RIM HENDAKLAH BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA HANYA SEBAGAIMANA YANG DIPERUNTUKKAN DENGAN NYATA DALAM PERJANJIAN INI DAN KE TAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DALAM BIDANG KUASA ANDA, TIDAK MEMPUNYAI APA JUA PUN OBLIGASI, KEWAJIPAN ATAU LIABILITI LAIN ALAM KONTRAK, TORT ATAU SELAINNYA KEPADA ANDA ATAU PENGGUNA DIBENARKAN ANDA TERMASUKLAH APA-APA LIABILITI BAGI KECUAIAN ATAU LIABILITI KETAT, BATASAN, PENGECUALIAN, DAN PENOLAKAN DALAM PERJANJIAN INI ADALAH TERPAKAI: (A) TANPA MENGIRA SIFAT KAUSA TINDAKAN, PERMINTAAN, ATAU TINDAKAN OLEH ANDA TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA PELANGGARAN KONTRAK, KECUAIAN, TORT, LIABILITI KETAT ATAU MANA-MANA TEORI UNDANG-UNDANG LAIN DAN HENDAKLAH MENAKAT SUATU PELANGGARAN ATAU PELANGGARAN-PELANGGARAN ASASI ATAU KEGAGALAN MAKSUD PENTING PERJANJIAN INI ATAU MANA-MANA REMEDI YANG TERKANDUNG DI DALAM INI; DAN (B) KEPADA RIM DAN SYARIKAT GABUNGANNYA, PENGGANTI MEREKA, PENERIMA SERAH HAK, EJEN, PEMBEKAL (TERMASUK PEMBERI PERKHIDMATAN MASA BERBUAL), PENGEDAR DIBENARKAN RIM (JUGA TERMASUK PEMBERI PERKHIDMATAN MASA BERBUAL), DAN PENGARAH, PEKERJA, DAN KONTRAKTOR BEBAS MEREKA MASING-MASING.

ANDA MENGAKU DAN BERSETUJU BAHAWA PENOLAKAN, PENGECUALIAN DAN BATASAN YANG DINYATAKAN DALAM PERJANJIAN INI MENJADI SUATU ELEMEN PENTING PERJANJIAN ANTARA PIHAK-PIHAK DAN JIKA KETIADAAN PENOLAKAN, PENGECUALIAN DAN BATASAN ITU: (A) FI DAN TERMA LAIN DALAM PERJANJIAN INI SEBAHAGIAN BESARNYA AKAN MENJADI BERLAINAN; DAN (B) KEMAMPUAN RIM UNTUK MENAWARKAN DAN KEMAMPUAN ANDA UNTUK MEMBELI BLACKBERRY SOLUTION ANDA ATAU MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADANYA DI BAWAH PERJANJIAN INI AKAN TERJEJAS.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA BATASAN DAN PENGECUALIAN YANG DINYATAKAN DI ATAS, MANA-MANA PENGARAH, PEKERJA, EJEN, PENGEDAR, PEMBEKAL, KONTRAKTOR BEBAS RIM ATAU MANA-MANA GABUNGAN RIM TIDAK BOLEH SAMA SEKALI MEMPUYAI APA-APA LIABILITI YANG BERBANGKIT DARIPADA ATAU YANG BERHUBUNG DENGAN PERJANJIAN INI.

TIADA APA PUN DALAM PERJANJIAN INI BERTUJUAN UNTUK MENGGANTIKAN MANA-MANA PERJANJIAN BERTULIS ATAU WARANTI YANG NYATA YANG DIPERUNTUKKAN RIM BAGI BAHAGIAN BLACKBERRY SOLUTION ANDA SELAIN PERISIAN.

Kebenaran untuk Memungut Maklumat Peribadi. Dengan mengemukakan maklumat peribadi tentang Anda dan/atau Pengguna Dibenarkan Anda (yang mungkin atau tidak termasuk, bergantung kepada undang-undang yang terpakai, tanpa batasan, nama, alamat e-mel, dan nombor telefon, maklumat Produk Pegang Tangan, maklumat Perkhidmatan Masa Berbual, dan maklumat tentang penggunaan kefungsi BlackBerry Solution Anda) kepada RIM, Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual dan/ atau syarikat gabungan mereka melalui penggunaan BlackBerry Solution Anda (atau mana-mana bahagian daripadanya) dan/atau Perkhidmatan atau Perkhidmatan Masa Berbual yang berkaitan, Anda memberi kebenaran kepada pemungutan, penggunaan, pemprosesan, penghantaran, dan/atau pendedahan maklumat itu oleh RIM dan/ atau syarikat gabungannya, dan Anda menjamin bahawa Anda telah memperoleh semua kebenaran yang perlu di bawah undang-undang yang terpakai untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka kepada RIM dan/ atau syarikat gabungannya dan bagi RIM dan/atau syarikat gabungannya untuk memungut, menggunakan, memproses, menghantar, dan/ atau mendedahkan maklumat itu, yang juga termasuk menggunakan, memproses, menghantar, dan/atau mendedahkan maklumat itu kepada Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda dan Pengguna Dibenarkan Anda dalam RIM dan syarikat gabungannya, bagi: (a) kegunaan dalaman RIM dan syarikat anggota gabungannya, termasuklah, tanpa batasan; (i) memahami dan memenuhi keperluan dan keutamaan; (ii) membangunkan perkhidmatan dan tawaran produk baru dan meningkatkan perkhidmatan yang sedia ada tawaran produk, (iii) menguruskan dan membangunkan pemiagaan dan operasi RIM; (b) apa-apa maksud yang berhubung dengan bil, pengaktifan, pembekalan, penyenggaraan, mendeaktif dan/ atau penggunaan BlackBerry Solution dan/ atau produk dan/atau perkhidmatan berkaitan Anda dan/atau Pengguna Dibenarkan Anda (termasuklah Perkhidmatan); (c) memberi Anda dan/atau Pengguna Dibenarkan Anda dengan peningkatan atau pengemaskinian Perisian, notis peningkatan atau pengemaskinian, Perisian Pihak Ketiga, Kandungan Pihak Ketiga atau Perkhidmatan Pihak Ketiga dan/ atau produk dan/ atau perkhidmatan berkaitan (termasuklah Perkhidmatan); (d) apa-apa maksud yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai; dan/atau (e) apa-apa maksud lain yang dinyatakan dalam dasar privasi semasa terdahulu RIM, yang boleh dilihat di <http://www.BlackBerry.com/legal/privacy.shtml>. Pemungutan, penggunaan, pemprosesan, penghantaran, dan/ atau pendedahan maklumat peribadi Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda bagi maksud yang dibuat di atas adalah mengikut dengan ketat dasar privasi RIM dan undang-undang privasi yang terpakai. RIM mempunyai hak untuk mengubahsuaikan dasar privasinya dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya semata-mata dan Anda bersetuju untuk mengkaji semula secara tetap dasar privasi RIM itu bagi apa-apa maklumat terkini. Jika maklumat peribadi didedahkan kepada Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual, dasar privasi Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda atau Pengguna Dibenarkan Anda, atau terma dan syarat yang berhubung dengan pemungutan, penggunaan, pemprosesan, penghantaran, dan/atau pendedahan maklumat peribadi yang dirundingkan antara RIM dengan Pemberi Perkhidmatan Masa Berbual Anda dan/ atau Pengguna Dibenarkan Anda, jika ada, hendaklah terpakai. Anda bersetuju untuk memaklumkan kepada semua individu yang maklumat peribadinya diberikan kepada RIM bahawa mereka berhak untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi mereka di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai.

Penyerahhakan dan Perwakilan. RIM boleh menyerahhakan Perjanjian ini tanpa notis kepada Anda. Anda tidak boleh menyerahhakan Perjanjian ini tanpa kebenaran bertulis RIM terlebih dahulu (kebenaran itu boleh tidak diberikan atau dikenakan syarat mengikut budi bicara RIM) dan apa-apa penyerahhakan tanpa kebenaran bertulis RIM terlebih dahulu adalah batal dan tidak sah dan tidak mempunyai kesan. RIM boleh menjalankan semua obligasi yang hendaklah dilaksanakan di bawah Perjanjian ini secara langsung atau sesetengahnya atau kesemua obligasinya dilaksanakan oleh kontraktornya atau subkontraktornya dan/ atau dalam hal Perkhidmatan Masa Berbual, oleh Pembekal Perkhidmatan Masa Berbual atau subsidiarinya atau gabungannya.

Notis. Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Perjanjian ini, semua notis atau perhubungan di bawah ini hendaklah disifatkan telah diberikan sewajarnya apabila dibuat secara bertulis dan diserahkan sendiri, melalui kourier atau dihantar melalui surat, prabayar pos, surat berdaftar, resit pulangan diminta, dan dialamatkan kepada Anda di alamat mengebil yang Anda berikan kepada RIM, dan dialamatkan kepada Research In Motion Limited at 295 Phillip Street, Waterloo, Ontario, Canada, N2L 3W8, dengan suatu salinan (yang tidak dikira sebagai notis) kepada Naib Presiden, Perundangan RIM di alamat yang sama. Sebagai tambahan kepada yang

sebelumnya, RIM boleh, mengikut pilihannya, memberi Anda notis di bawah Perjanjian ini secara elektronik. Notis elektronik yang diberikan kepada Anda hendaklah disifatkan telah diberikan sewajarnya apabila dihantar ke suatu alamat yang Anda berikan kepada RIM.

Force Majeure. Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Perjanjian ini, tiada Pihak disifatkan sebagai meringkari Perjanjian ini kerana kegagalan mereka untuk memenuhi obligasinya apabila disebabkan oleh keadaan yang di luar kawalan munasabahnyanya. Peruntukan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mengecualikan ketidaklaksanaan mana-mana obligasi oleh mana-mana Pihak untuk membuat pembayaran kepada Pihak lain di bawah Perjanjian ini.

Am.

- i. Benefisiari Pihak Ketiga. Gabungan RIM dan pengarah, pegawai dan pekerja gabungan RIM adalah benefisiari pihak ketiga yang dimaksudkan bagi maksud Seksyen Perjanjian ini yang bertajuk “Batasan Liabiliti” dan “Penolakan”. Kecuali jika dinyatakan selainnya secara khusus dalam Seksyen ini, peruntukan di dalam ini adalah bagi manfaat Pihak-Pihak dan bukan untuk mana-mana orang atau entiti lain.
- ii. Penepian Keingkaran. Tiada Pihak disifatkan sebagai telah menepikan atau melucuthakkan apa-apa hak di bawah Perjanjian ini, sama ada atas dasar kegagalan, kelewatan atau doktrin undang-undang atau ekuiti lain, melainkan jika penepian itu dibuat secara bertulis oleh penandatanganan Pihak yang dibenarkan yang terhadapnya penepian itu hendak dikuatkuasakan. Penepian mana-mana Peruntukan, atau mana-mana pelanggaran mana-mana peruntukan, Perjanjian ini dalam satu-satu keadaan tidak disifatkan sebagai penepian dalam apa-apa keadaan lain.
- iii. Penakatan. Tema, syarat dan waranti yang terkandung dalam Perjanjian ini bahawa mengikut pengertian dan konteksnya dimaksudkan supaya menakat pelaksanaan hendaklah menakat pelaksanaan, pengkenselan atau pembatalan Perjanjian ini.
- iv. Undang-Undang Yang Mentadbir dan Penyelesaian Pertikaian. Jika Anda menetap di Kanada dan Perisian ini pada asalnya dihantar atau diserahkan kepada Anda dalam apa-apa bentuk di Kanada, Perjanjian ini hendaklah ditadbirkan dan ditafsirkan di bawah undang-undang Wilayah Ontario. Jika tidak, Perjanjian ini hendaklah ditadbirkan dan ditafsirkan di bawah undang-undang Negeri New York, tidak termasuk apa-apa badan undang-undang yang mentadbirkan pertikaian undang-undang. Pihak-Pihak bersetuju bahawa Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kontrak bagi Penjualan Barang-Barang Antarabangsa dengan ini dikecualikan keseluruhannya daripada pemakaian Perjanjian ini. Apa-apa pertelingkahan atau pertikaian yang berbangkit daripada atau yang berhubungan dengan Perjanjian ini, atau pelanggaran yang tidak dapat diselesaikan oleh Pihak-Pihak selepas rundingan secara suci hati, hendaklah pada mulanya dikemukakan kepada tahap pengurusan tertinggi Pihak-Pihak. Pihak-Pihak, melalui wakil tahap pengurusan tertinggi mereka hendaklah berjumpa dalam masa tiga puluh (30) hari pertikaian dirujuk kepada mereka dan jika Pihak-Pihak itu tidak menyelesaikan pertelingkahan atau pertikaian itu dalam masa tiga puluh (30) hari dari mesyuarat itu, kecuali setakat dihalang dengan khusus oleh undang-undang yang terpakai dalam bidang kuasa Anda, pertelingkahan atau pertikaian itu hendaklah diselesaikan oleh timbang tara muktamad dan terikat yang hendaklah diadakan di Ontario, Canada mengikut Kaedah-Kaedah Komersial Persatuan Timbang Tara Amerika (“Kaedah-Kaedah”) dan hendaklah didengar oleh seorang penimbang tara yang dilantik mengikut Kaedah-Kaedah itu dan dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dalam masa tiga puluh (30) hari dari pelantikan penimbang tara, yang jika gagal, seorang pihak ketiga yang berkecuali akan melantik penimbang tara. Jika peruntukan sebelum ini adalah dilarang oleh undang-undang dalam Bidang Kuasa Anda, timbang tara itu hendaklah: (i) diadakan di Brunei; (ii) diselesaikan oleh timbang tara mengikut Kaedah-Kaedah Timbang Tara Dewan Pemiagaan Antarabangsa (“Kaedah-Kaedah DPA”); dan (iii) didengar oleh seorang penimbang tara yang dilantik mengikut Kaedah-Kaedah DPA dan dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dalam masa tiga puluh (30) hari dari pelantikan penimbang tara, yang jika gagal, Presiden Persatuan Timbang Tara Brunei Darussalam hendaklah melantik penimbang tara. Setiap Pihak hendaklah menanggung setengah daripada kos yang berkaitan dengan prosiding timbang tara itu. Tiada pertikaian antara Pihak-Pihak, atau yang melibatkan mana-mana orang selain Anda, boleh dicantum atau digabung bersama, tanpa persetujuan bertulis RIM terlebih dahulu. Penghakiman apabila award diberikan oleh penimbang tara boleh dibuat dalam mana-mana Mahkamah yang berbidang kuasa baginya. Walau apa pun yang sebelumnya, RIM berhak untuk memulakan prosiding undang-undang atau ekuiti, termasuklah prosiding untuk mendapatkan relief injunksi, dalam sesuatu mahkamah undang-undang bagi tuntutan atau pertikaian berkenaan: (i) amaun yang Anda terutang kepada RIM berkaitan dengan pemerolehan BlackBerry Solution Anda atau mana-mana

bahagian daripadanya, jika terpakai; dan (ii) Pelanggaran atau ancaman pelanggaran Anda akan Seksyen Perjanjian ini yang bertajuk “Sokongan Kriptografi Meja”, “Penggunaan BlackBerry Solution Anda”, “Lesen Perisian Dan Dokumentasi”, “Harta Intelek”, “Sekatan Eksport”, “Kerahsiaan”, “Tiada Kejuruteraan Songsang” dan “Kesan Penamatan”. Anda mengetepikan dengan tak boleh dibatalkan apa-apa bantahan atas alasan tempat, *forum non conveniens* atau apa-apa alasan yang serupa dan bersetuju dengan tak boleh dibatalkan dengan penyampaian proses melalui surat atau dalam apa-apa cara yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai dan bersetuju dan berserah dengan tak boleh dibatalkan kepada bidang kuasa mahkamah yang terletak di Wilayah Ontario atau Negeri New York, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini. Pihak-Pihak khususnya bersetuju bahawa, sekiranya terdapat pertikaian di bawah Perjanjian ini dan pertikaian itu hendak diselesaikan di mahkamah undang-undang, pertikaian itu tidak boleh diselesaikan melalui perbicaraan juri. Pihak-Pihak dengan ini menepikan kesemua hak untuk perbicaraan juri dalam apa-apa perkara yang berhubung dengan atau berbangkit daripada Perjanjian ini.

- v. Tiada kekebalan. Setiap pihak adalah tertakluk kepada undang-undang komersial persendirian dan guaman di bawah Undang-Undang Brunei Darussalam dan mana-mana bidang kuasa lain yang menyentuh pihak itu. Pihak, atau hartanya atau asetnya, tidak layak untuk mendapat kekebalan berdaulat di bawah Undang-Undang Brunei Darussalam atau mana-mana bidang kuasa lain. Setakat sesuatu pihak boleh, dalam mana-mana bidang kuasa yang dalamnya prosiding boleh pada bila-bila masa diambil untuk menentukan apa-apa persoalan yang berbangkit di bawah atau bagi penguatkuasaan terma Perjanjian ini (termasuklah apa-apa prosiding interlokutori atau penyempumaan apa-apa award yang berbangkit daripadanya), layak untuk menuntut atau selainnya diberikan baginya atau hartanya, asetnya atau pendapatannya kekebalan daripada guaman atau penahanan (sama ada sebagai bantuan penyempumaan, sebelum award atau penghakiman atau selainnya) atau proses undang-undang yang lain, dan setakat dalam mana-mana bidang kuasa itu, pihak itu, hartanya, asetnya atau pendapatannya diberi kekebalan, kekebalan itu (sama ada dituntut atau tidak), pihak itu hendaklah bersetuju dengan tidak boleh dibatalkan untuk tidak menuntut dan mengetepikan kekebalan itu ke tahap yang penuh yang dibenarkan oleh undang-undang bidang kuasa itu.
- vi Kebolehasingan. Setakat mana-mana peruntukan atau bahagian daripadanya Perjanjian ini ditentukan sebagai menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh berkuat kuasa oleh pihak berkuasa berwibawa dalam mana-mana bidang kuasa, maka penentuan peruntukan itu atau bahagian daripada itu tidak akan menjejaskan: (a) keundangan, kesahan atau kebolehuatkuasaan peruntukan yang ada dalam Perjanjian ini; atau (b) keundangan, kesahan atau kebolehuatkuasaan peruntukan itu dalam mana-mana bidang kuasa lain, dan peruntukan (atau bahagian itu) hendaklah terhad jika boleh dan hanya selepas itu diasingkan, jika perlu, setakat yang dikehendaki untuk membolehkan Perjanjian ini menjadi sah dan boleh dikuatkuasakan.
- vii. Bahasa. Jika Perjanjian ini diterjemahkan ke dalam bahasa selain bahasa Inggeris, versi bahasa Inggeris akan mengatasi setakat terdapat pertelingkahan atau percanggahan dalam maksud antara versi Inggeris dengan mana-mana terjemahannya. Melainkan, dan hanya setakat, dilarang oleh undang-undang dalam bidang kuasa Anda, apa-apa dan semua pertelingkahan pendapat, pertikaian, pengantaraan, timbang tara atau litigasi yang berhubungan dengan Perjanjian ini hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris, termasuklah tanpa batasan apa-apa surat menyurat, penemuan, hujahan, pemfailan, pliding, pliding lisan dan penghujahan, dan perintah atau penghakiman.
- viii. Ketidakselarasan. Jika terdapat ketidakselarasan antara Perjanjian ini dengan mana-mana lesen perisian atau perjanjian pengguna akhir (selain Perjanjian ini) yang diperuntukkan dalam bungkusan atau bahan yang disertakan daripada mana-mana bahagian BlackBerry Solution Anda, peruntukan Perjanjian ini adalah terpakai setakat ketidakselarasan itu. Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara Perjanjian ini dengan mana-mana lesen perisian atau perjanjian pengguna akhir yang diperuntukkan berkaitan dengan apa-apa peningkatan atau pengemaskinian Perisian, peruntukan lesen atau perjanjian pengguna akhir lain adalah terpakai, setakat ketidakselarasan itu. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara apa-apa dokumentasi yang dibekalkan dalam bungkusan mana-mana bahagian BlackBerry Solution Anda dan Dokumentasi bagi produk RIM yang sesuai atau barangan Perisian, peruntukan Dokumentasi hendaklah terpakai setakat ketidakselarasan itu.
- ix. Keseluruhan Perjanjian. Perjanjian ini merangkumi keseluruhan perjanjian antara Pihak-Pihak berkenaan dengan hal perkara di dalam ini dan tiada peruntukan, pemahaman, perhubungan, representasi, waranti, aku janji, perjanjian

cagaran atau perjanjian antara Pihak-Pihak yang berhubungan dengan Perisian selain yang dinyatakan dalam Perjanjian ini. Walau apa pun yang sebelumnya, perjanjian lain antara Pihak-Pihak boleh mentadbirkan penggunaan komponen lain BlackBerry Solution Anda. Perjanjian ini membatalkan apa-apa peruntukan, pemahaman, perhubungan, representasi, waranti, aku janji, perjanjian cagaran dan perjanjian antara Pihak-Pihak yang sebelumnya atau yang semasa, sama ada secara lisan atau bertulis, berkenaan dengan hal perkara, dan Anda mengakui bahawa tiada peruntukan, pemahaman, perhubungan, representasi, waranti, aku janji, perjanjian cagaran atau perjanjian antara Pihak-Pihak telah Anda jadikan sandaran semasa bersetuju untuk membuat Perjanjian ini. Perjanjian ini boleh dipinda pada bila-bila masa apabila dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak. Kecuali setakat RIM dihalang secara nyata oleh undang-undang terpakai, RIM selanjutnya mempunyai hak untuk membuat perubahan kepada Perjanjian ini sama ada untuk mencerminkan perubahan dalam amalan perniagaan, atau untuk mencerminkan perubahan dalam atau yang dkehendaki oleh undang-undang, dengan memberi Anda notis perubahan yang munasabah sama ada secara elektronik (sepaimana yang dimaksudkan oleh peruntukan Notis di atas) atau dengan meletakkan notis perubahan itu di <http://www.BlackBerry.com/legal/index.shtml>. Jika Anda berterusan menggunakan Perisian itu dan/ atau Perkhidmatan itu lebih daripada enam puluh (60) hari selepas notis perubahan telah diberikan atau Anda tidak menghubungi [legalinfo@rim.com](mailto:legalinfo@rim.com) dalam masa enam puluh (60) hari selepas notis perubahan telah diberikan untuk bertanyakan tentang pilihan Anda, Anda disifatkan telah menerima perubahan ini.

- x. Pematuhan Undang-Undang. Anda hendaklah, dengan perbelanjaan Anda, mendapatkan dan menyenggarakan semua lesen, pendaftaran dan kelulusan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kerajaan atau undang-undang yang terpakai dalam bidang kuasa Anda bagi penyempurnaan dan pelaksanaan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lesen yang berhubungan. Khususnya dan bagi mengelakkan keraguan, Anda hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai dan hendaklah mendapatkan apa-apa lesen, pendaftaran dan kelulusan yang perlu daripada pihak berkuasa kerajaan yang berwajib bagi pengimportan dan penggunaan mana-mana Perisian yang mengandungi penyulitan komersial atau fungsi keselamatan lain. Anda hendaklah memberi RIM jaminan dan dokumen rasmi bahawa RIM secara berkala boleh meminta untuk menentusahkan pematuhan Anda dengan obligasi ini.

Pencantuman Perjanjian. Bagi memastikan: a) terma yang selaras terpakai bagi Perisian Meja, Perisian Pelayan dan Perisian Pegang Tangan BlackBerry, apabila setiap itu digunakan sebagai sebahagian daripada BlackBerry Solution Anda; dan b) kejelasan berkenaan dengan terma lesen itu terpakai bagi Perisian Pegang Tangan BlackBerry apabila digunakan sebagai sebahagian daripada BlackBerry Solution Anda, tiada kira cara Anda mengadakan Perisian Pegang Tangan BlackBerry itu, DENGAN MENUNJUKKAN PENERIMAAN ANDA KEPADA TERHADAP TERMA PERJANJIAN INI YANG DINYATAKAN DI ATAS, ANDA JUGA BERSETUJU BAHAWA PERJANJIAN INI MENGGANTIKAN LESEN PERISIAN PENGGUNA AKHIR/ PERISIAN BLACKBERRY DAN PERJANJIAN LESEN PERISIAN PELAYAN PERUSAHAAN BLACKBERRY YANG ADA SEBELUMNYA SETAKAT PERJANJIAN ITU SELAINNYA TERPAKAI, DARI TARIKH PENERIMAAN ANDA AKAN PERJANJIAN INI, KEPADA MANA-MANA PERISIAN YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN DARIPADA BLACKBERRY SOLUTION ANDA. Semua rujukan mengenai Lesen Pengguna Akhir/ Perisian BlackBerry atau Perjanjian Perisian Pelayan Perusahaan BlackBerry dalam perjanjian atau dokumentasi lain yang Anda ada dengan RIM bagi BlackBerry Solution Anda, hendaklah disifatkan sebagai rujukan mengenai Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry (melainkan jika ia tidak membawa makna apa-apa dalam konteks itu, contohnya, apabila, dalam peruntukan ini, suatu, perbezaan dimaksudkan untuk dibuat antara perjanjian yang ada sebelumnya dengan Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry, rujukan mengenai perjanjian yang ada sebelum ini tidak akan disifatkan sebagai rujukan mengenai Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry. Apa-apa pindaan atau addendum, kepada Lesen Pengguna Akhir/ Perisian BlackBerry atau Perjanjian Perisian Pelayan Perusahaan BlackBerry yang ada sebelum ini, yang di bawahnya RIM membekalkan apa-apa perisian kepada Anda, hendaklah disifatkan sebagai pindaan atau addendum kepada Perjanjian Lesen Perisian BlackBerry ini. JIKA ANDA MEMPUNYAI APA-APA PERTANYAAN ATAU KERAGUAN TENTANG TERMA PERJANJIAN INI, SILA HUBUNGI RIM MELALUI [legalinfo@rim.com](mailto:legalinfo@rim.com).